KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

# OBLIGASI BAB PEROLEHAN KERAJAAN DI BAWAH PERJANJIAN KOMPREHENSIF & PROGRESIF BAGI PERKONGSIAN TRANS-PASIFIK (CPTPP)



**BAHAGIAN PEROLEHAN KERAJAAN**
**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

# SKOP PEMBENTANGAN

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

1. LATAR BELAKANG CPTPP
2. KOMPONEN BAB PEROLEHAN KERAJAAN
3. PRINSIP UMUM
4. PEROLEHAN YANG TERTAKLUK
5. HAD NILAI PEROLEHAN
6. PENGECUALIAN KESELAMATAN
7. LANGKAH PERALIHAN

# LATAR BELAKANG CPTPP

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

## 2018

***21 Februari 2018**
Keputusan JM untuk Malaysia menandatangani CPTPP

***8 Mac 2018**
Malaysia bersama 10 negara lain: (Australia, Brunei, Chile, Jepun, Kanada, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura dan Viet Nam)

**30 Disember 2018**
CPTPP berkuat kuasa ke atas 6 negara ahli: **Australia, Jepun, Kanada, Mexico, New Zealand & Singapura**

## 2019

**14 Januari 2019**
CPTPP berkuat kuasa ke atas **Viet Nam**

## 2020

## 2021

**19 September 2021**
CPTPP berkuat kuasa kepada **Peru**

## 2022

**29 Jun 2022**
Pembentangan CBA oleh MITI kepada Jemaah Menteri *(25 Julai 2022 – Muat naik portal MITI)*

**21 September 2022**
Keputusan MJM untuk Malaysia meratifikasi CPTPP *(30 September 2022 -MITI mengemukakan surat cara Depository CPTPP, New Zealand)*

**8-10 November 2022**
Bengkel Semakan Draf PK Bersama Kementerian & Agensi Badan Berkanun

**29 November 2022**
CPTPP berkuat kuasa ke atas **Malaysia**

**22 Disember 2022**
**Chile** mengemukakan surat cara ratifikasi CPTPP yang akan berkuatkuasa pada 21 Februari 2023

## 2023

**Status Semasa**
**Brunei** masih belum meratifikasi CPTPP
**United Kingdom** dalam proses rundingan untuk menyertai CPTPP



**Selaras dengan penarikan Amerika Syarikat dari Perjanjian TPPA pada 23 Januari 2017. CPTPP merupakan perjanjian untuk melaksanakan obligasi TPPA dengan penangguhan 22 artikel asal TPPA.*

# KOMPONEN BAB PEROLEHAN KERAJAAN

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

## Mengikut Standard Antarabangsa

### TEKS PERJANJIAN

- mengandungi **24 artikel** - memperincikan peraturan & prosedur melaksanakan perolehan.
- Antara peraturan yang berkaitan adalah melibatkan skop perolehan, prinsip umum, paparan maklumat perolehan, tender terbuka, tender terbuka pra-kelayakan, rundingan terus, spesifikasi teknikal, dokumen tender, tempoh pelawaan, maklumat pemberian kontrak, penjelasan kepada petender gagal sekiranya diminta (*debriefing*) dan proses aduan/bantahan dalam PK.

## Amalan & Tadbir Urus Baik (*good governance*)

### TAWARAN AKSES PASARAN

- Mengandungi **10 seksyen** - mengenai tahap keterbukaan akses pasaran yang ditetapkan oleh negara ahli dalam menentukan sesuatu perolehan yang tertakluk bagi penyertaan pembekal dari negara ahli.
- Antaranya:
  - ✓ entiti yang tertakluk (kementerian, jabatan & badan berkanun yang terlibat).
  - ✓ had nilai perolehan.
  - ✓ kategori perolehan perkhidmatan, bekalan & kerja serta pengecualian tetap Malaysia.

# PRINSIP UMUM BAB PEROLEHAN KERAJAAN

## LAYANAN SAMA RATA & TANPA DISKRIMINASI

Pembekal daripada negara CPTPP diberi layanan yang sama seperti pembekal tempatan



## PERATURAN DAN TATACARA BUKAN KHUSUS KEPADA PEROLEHAN



**Tidak terpakai ke atas duti dan caj kastam** serta peraturan import

## PERATURAN TEMPASAL (*RULES OF ORIGIN*)

Urusan perdagangan perolehan bekalan yang tertakluk menggunakan peraturan **tempasal**



## KAEDAH PEROLEHAN



**Perolehan secara tender terbuka.** Kaedah lain masih dibenarkan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan**.**

## *OFFSET*

**Dilarang** mengenakan, melaksanakan atau menguatkuasakan *offset* dalam mana-mana proses perolehan.



## PENGGUNAAN KAEDAH ELEKTRONIK



Paparan maklumat perolehan, iklan, dokumen tender serta penerimaan tawaran tender

# PEROLEHAN YANG TERTAKLUK

**Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun**
**PK 1.3 - Jadual A**



**24** Kementerian adalah tertakluk termasuk sebahagian jabatan di bawahnya

**2** Kementerian yang hanya jabatan dibawahnya sahaja yang tertakluk iaitu:

- **Kementerian Perpaduan**
- **Jabatan Perdana Menteri**

Hanya **4** Badan Berkanun sahaja yang terlibat iaitu:

- **MATRADE**
- **MIDA**
- **SME Corporation Malaysia**
- **MPC**

# PEROLEHAN YANG TERTAKLUK

**Had Nilai Perolehan**
**PK 1.3 - Jadual B**



**Kadar Semasa**
**SDR1 = RM5.90**
**(29 Nov 2022 – 31 Dis 2023)**

## Tempoh Peralihan:

| Kategori | Tahun |
|---|---|
| Bekalan | 8 |
| Perkhidmatan | 10 |
| Kerja | 20 |

## Permulaan Had Nilai Perolehan:

| Kategori | Kementerian / Jabatan | Badan Berkanun |
|---|---|---|
| Bekalan | RM 8.85 juta | RM 11.8 juta |
| Perkhidmatan | RM 11.8 juta | RM 11.8 juta |
| Kerja | RM 371.7 juta | RM 371.7 juta |

# HAD NILAI PEROLEHAN YANG TERTAKLUK

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

## Tempoh Peralihan Had Nilai Perolehan Bekalan & Perkhidmatan

Kadar Semasa
SDR1 = RM5.90
(29 Nov 2022 – 31 Dis 2023)

| Tahun CPTPP Berkuat kuasa | 1 – 4 | 5 – 7 | 8 – 9 | 10 |
|---|---|---|---|---|
| **Bekalan** | SDR1.50 juta<br>RM8.85 juta | SDR800 ribu<br>RM 4.72 juta * | SDR130 ribu<br>RM 767 ribu * | |
| **Perkhidmatan** | SDR2.00 juta<br>RM11.80 juta | SDR800 ribu<br>RM 4.72 juta * | SDR500 ribu<br>RM 2.95 juta * | SDR130 ribu<br>RM 767 ribu * |

- Nilai SDR dikira berdasarkan bakul wajaran sekumpulan mata wang utama yang disemak oleh IMF setiap lima tahun, dan terdiri daripada mata wang dolar AS, euro, yen Jepun, yuan China & pound British. Purata nilai harian SDR akan dikemaskini setiap 2 tahun .

# HAD NILAI PEROLEHAN YANG TERTAKLUK

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

## Tempoh Peralihan Had Nilai Perolehan Kerja

Kadar Semasa
SDR1 = RM5.90
(29 Nov 2022 – 31 Dis 2023)

| Tahun CPTPP Berkuat kuasa | 1 – 5 | 6 – 10 | 11 – 15 | 16 – 20 | 21 & seterusnya |
|---|---|---|---|---|---|
| Kerja | SDR63.0 juta<br>RM371.7 juta | SDR50.0 juta<br>RM295 juta * | SDR40.0 juta<br>RM236 juta * | SDR30.0 juta<br>RM177 juta * | SDR14.0 juta<br>RM82.6 juta * |



# PEROLEHAN YANG TERTAKLUK

**Kategori:**

- **Bekalan [Jadual C]**



**Semua bekalan kecuali item di bawah:**

- Beras, beras tidak dikuliti, beras sekam, beras separuh atau berkisar penuh dan produk makanan (*food product nec*) seperti kopi, teh, cuka, kicap dan pelbagai sos.
- Bekalan tenaga elektrik dan air mentah

**Contoh:**

- Perolehan Bekalan Makanan dan Bahan Mentah Kering / Basah adalah tertakluk kecuali produk makanan (*food product nec*) seperti di atas.
- Perolehan Makanan Bermasak Islam (kod bidang: 040103) dan Bukan Islam (kod bidang: 040104) adalah tidak tertakluk

# PEROLEHAN YANG TERTAKLUK

**Kategori:**

- **Perhidmatan PK 1.3 - Jadual D**



Perkhidmatan adalah termasuk Perkhidmatan Perunding.

Perkhidmatan yang **tertakluk antaranya** adalah:

- Pembersihan bangunan, pejabat dan kuaters
- Penyelenggaran dan pembaikan kenderaan dan peralatan pejabat
- Penyewaan peralatan pejabat dan alat telekomunikasi
- Perhidmatan Perunding Fizikal dan Bukan Fizikal
- Perkhidmatan ICT seperti pembangunan sistem

Perkhidmatan yang **tidak tertakluk antaranya** adalah:

- Perkhidmatan kawalan keselamatan
- Hotel, Resort, Rumah Tumpangan dan Pusat Latihan
- Perkhidmatan Insurans dan Kewangan
- Perkhidmatan Pembentungan

# PEROLEHAN YANG TERTAKLUK

**Kategori:**

- **Kerja**
  **PK 1.3 - [Jadual E]**



Semua perolehan kerja samada konvensional atau *design and build* adalah tertakluk **kecuali pengerukan** dan **cerun**

**Contoh:**

✓ **Pembinaan Hospital** secara *design and build* yang **bernilai RM500 juta** adalah **perolehan tertakluk**

✗ **Kerja-kerja penyelenggaraan cerun bernilai RM 400 juta adalah tidak tertakluk**

# PEROLEHAN YANG TERTAKLUK

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

**Pengecualian Tetap Malaysia**

**PK1.3 - Jadual F**



**Pengecualian TETAP**



Majlis sambutan kebangsaan (kecuali berkaitan kerja)



Istana Negara



Program pembangunan luar bandar & pembasmian kemiskinan

(luar bandar: < 10,000 penduduk)



Penyelidikan dan pembangunan (R&D)



Tujuan keagamaan



Langkah untuk pembangunan, pemeliharaan dan pemuliharaan hasil seni tempatan serta khazanah dan warisan negara



Projek Kerjasama Awam Swasta (PPP)

# PENGECUALIAN TETAP

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

**Pengecualian Tetap Malaysia**
**PK1.3 - Jadual F**



Bab Perolehan Kerajaan tidak terpakai keatas perolehan perkhidmatan berikut:

i. perkhidmatan kabotaj;

ii. perkhidmatan kod CPC 75 (Post and Telecommunications Services) yang melibatkan kepentingan keselamatan Malaysia ditentukan oleh Kementerian masing-masing ;

iii. perkhidmatan kod CPC 84 (Computer and Related Services) yang melibatkan kepentingan keselamatan Malaysia. **Agensi yang tertakluk hendaklah merujuk Pejabat Ketua Keselamatan Kerajaan (CGSO) untuk mendapatkan pengesahan**; dan

iv. perkhidmatan pemeringkatan plasma.

# PEROLEHAN YANG TERTAKLUK

Pengecualian Khusus Kementerian
PK1.3 - Jadual F



| BIL. | KEMENTERIAN | PENGECUALIAN KHUSUS |
|---|---|---|
| 1. | **Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan** | Apa-apa perolehan dan pengedaran input bagi produksi agro-makanan dalam Malaysia |
| 2. | **Kementerian Pendidikan** | i. Lembaga Peperiksaan;<br>ii. Perolehan berkaitan pakaian seragam sekolah, buku teks, susu dan program makanan untuk pra-sekolah dan murid/pelajar sekolah. |
| 3. | **Kementerian Kewangan** | Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan |
| 4. | **Kementerian Dalam Negeri** | i. Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran; dan<br>ii. Perolehan berkaitan keselamatan yang ditentukan oleh KDN |
| 5. | **Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan** | Perolehan berkaitan Program Perumahan Rakyat |

# PEROLEHAN YANG TERTAKLUK

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

❖ Bab Perolehan Kerajaan tidak tertakluk ke atas:

❑ Perolehan yang dibuat oleh Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun yang ditawarkan bagi entiti yang tidak tertakluk;



**Contoh: Jabatan Kerja Raya (entiti tertakluk) melaksanakan pembinaan bangunan pejabat bagi Jabatan Akauntan Negara (entiti tidak ditawarkan).**

❑ Walau bagaimanapun perolehan yang dibuat oleh entiti yang tidak tertakluk bagi entiti yang di tawarkan dianggap sebagai perolehan tertakluk; dan



**Contoh: Jabatan Pengairan dan Saliran (entiti tidak tertakluk) melaksanakan perolehan pengairan di kawasan pertanian bagi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (entiti ditawarkan).**

# PEROLEHAN YANG TERTAKLUK



- ❑ Perolehan yang dibiayai melalui geran atau bayaran tajaan oleh individu/ syarikat yang tidak disenaraikan dalam Lampiran 15-A Malaysia (Tawaran Akses Pasaran).




**Contoh: Petronas memberikan tajaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia bagi perolehan pembelian peralatan ICT bagi sekolah di Malaysia.**

- ❖ **Carta Alir Kriteria Penentuan Perolehan Yang Tertakluk (PK1.3 - Jadual H)**

# PENGECUALIAN KESELAMATAN

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

## Artikel 29.2: Pengecualian Keselamatan



- Bagi perkara yang melibatkan **keselamatan negara**, **negara ahli tidak perlu memberi atau membenarkan akses** kepada sebarang maklumat yang mengancam keselamatan negara.

- Negara ahli juga **dibenarkan untuk menetapkan peraturan** bagi mengawal atau memulihkan keselamatan atau keamanan antarabangsa atau perlindungan keselamatan negara.

# PENGECUALIAN KESELAMATAN

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

- Kementerian/ Jabatan yang mempunyai **fungsi dan berperanan** untuk **menjaga pertahanan dan keselamatan Negara**.

- Kementerian yang **mengklasifikasikan/menetapkan** sesuatu **perolehan** tersebut adalah **di bawah pengecualian keselamatan** perlulah disertakan dengan **justifikasi**.

## Contoh Perolehan Keselamatan

✓ **Pembinaan menara telekomunikasi bagi tujuan risikan melibatkan maklumat sulit yang boleh mengancam keselamatan negara**

✗ **Pembelian aset/jentera/ peralatan kebombaan bagi tujuan pengoperasian keselamatan awam**

# LANGKAH PERALIHAN CPTPP

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

## Penangguhan Pelaksanaan Obligasi Tertentu Melalui Langkah Peralihan

| LANGKAH PERALIHAN | TEMPOH PENANGGUHAN | |
|---|---|---|
| **Tatacara pentadbiran dalaman** di MOF untuk menguruskan aduan/bantahan | **3 tahun** | Tatacara Semakan Domestik (DRP) |
| Pertikaian diselesaikan berdasarkan **terma kontrak** dan undang-undang yang berkuatkuasa | **3 tahun** | Penyelesaian Pertikaian Pelabur – Negara (ISDS) |
| **Konsultasi dengan negara CPTPP** yang membangkitkan isu Bab PK | **5 tahun** | Mekanisme Penyelesaian Pertikaian (DSM) |
| ***Offset*** boleh dilaksanakan oleh 17 Kementerian (Perkara E, Jadual G) | **12 tahun** | |
| **Perolehan** dibiayai di bawah peruntukan tambahan untuk **Pakej Ransangan Ekonomi (PRE)**, dalam keadaan krisis ekonomi negara yang terjejas teruk | **25 tahun** | |

KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA

# SEKIAN, TERIMA KASIH





Copyright by BSKK @ 2021